



Gambar 1

1. Berdasarkan gambar 1, apakah tujuan penubuhan organisasi di atas?

 - A** Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan percuma
 - B** Meningkatkan penglibatan semua pihak dalam aktiviti kemasyarakatan
 - C** Menyediakan premis perniagaan kepada usahawan
 - D** Menawarkan produk berkualiti tinggi
2. Apakah kelebihan bentuk pemilikan Megah Holding Sendirian Berhad berbanding Berjaya Holding Berhad?

 - A** Saham boleh diurus niaga di Bursa Malaysia
 - B** Pemegang syer menanggung liabiliti terhad
 - C** Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang awam
 - D** Dikenakan cukai yang rendah
3. Maklumat berikut merujuk kepada jenis rakan kongsi?

- **Menanggung liabiliti tidak terhad**
 - **Aktif dalam menguruskan perniagaan**
 - **Dibayar gaji secara bulanan**

 - A** Rakan Kongsi Biasa
 - B** Rakan Kongsi Lelap
 - C** Rakan Kongsi Berhad
 - D** Rakan Kongsi Aktif

4. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan perkilangan berdasarkan saiz. Berjaya Holding Berhad?

I	II
Jualan tahunan RM 300 000 hingga kurang daripada RM 15 juta.	Bilangan pekerja tetap 75 orang hingga kurang daripada 200 orang

Klasifikasikan saiz manakah yang tepat?

	I	II
A	Sederhana	Besar
B	Kecil	Besar
C	Kecil	Sederhana
D	Besar	Kecil

5. Bagaimanakah kerajaan membantu peniaga memajukan perniagaan mereka.

- I Memupuk kesedaran perlindungan pengguna dalam kalangan peniaga
- II Menyedarkan peniaga tentang tanggungjawab terhadap masyarakat
- III Mengadakan latihan dan kursus dalam pengurusan perniagaan
- IV Mempromosikan keluaran tempatan di pasaran antarabangsa

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

6. Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah pengangguran bermusim?

- A** Merancang ekonomi sesuai dengan trend perubahan ekonomi semasa
- B** Menyediakan insentif kepada peniaga yang membenarkan pekerja terus bekerja
- C** Melaksanakan dasar fiskal untuk mengekang kemelesetan ekonomi
- D** Mengehadkan penggunaan mesin moden dalam proses tertentu

7. Persekutaran luaran manakah boleh menjayakan sesebuah perniagaan.
- A Kemudahan kredit jangka masa pendek yang disediakan oleh pembekal bahan mentah
- B Struktur organisasi yang mantap dalam menyelaraskan aktiviti antara jabatan
- C Sumber kewangan syarikat mencukupi untuk membiayai kos pembangunan
- D Peluang kenaikan pangkat yang disediakan untuk memotivasi pekerja
8. Pernyataan manakah yang menerangkan misi sebuah perniagaan?
- A Sasaran yang boleh diukur
- B Pernyataan maklumat yang lebih khusus
- C Penetapan perancangan jangka panjang
- D Penjelasan kepada matlamat perniagaan
9. Apakah kepentingan objektif kepada perniagaan?
- A Mengenal pasti tujuan penubuhan perniagaan
- B Mengenal pasti sasaran yang ingin dicapai
- C Membantu perniagaan membuat perancangan
- D Memudahkan perniagaan menilai prestasi perniagaan

10. Antara yang berikut, ciri yang manakah perlu diambil kira dalam penetapan objektif sesebuah perniagaan?

- I Dinyatakan secara khusus
- II Mengambil kira persekitaran perniagaan
- III Penjelasan kemudahan perkhidmatan yang disediakan
- IV Mampu dicapai dengan keupayaan yang ada


- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

11. Antara berikut, faktor yang manakah dipertimbangkan untuk menghasilkan visi, misi dan objektif perniagaan?

- I Belian
- II Daya saing
- III Syer pasaran
- IV Kos overhed

- A.** I dan III
- B.** I dan IV
- C.** II dan III
- D.** II dan IV

12. Graf di bawah berkaitan dengan titik pulang modal.



Graf 1

Apakah yang akan terjadi jika kuantiti keluaran berada pada Y?

- A Imej perniagaan terjejas
- B Saiz perniagaan menjadi kecil
- C Cawangan perniagaan bertambah
- D Perniagaan mencapai keuntungan minimum

13.

Encik Jasmin telah menuahkan perniagaan kraf tangan di Pusa, pada 1 Januari 2024.

Apakah visi yang sesuai bagi perniagaan Encik Jasmin?

- A Mencapai jualan sebanyak 50 unit bakul rotan
- B Melahirkan pekerja yang mahir membuat bakul rotan
- C Menghasilkan pengeluaran sebanyak 200 unit setiap bulan
- D Untuk menjadi sebuah perniagaan yang disegani dan dicontohi

14. Maklumat berikut berkaitan dengan pernyataan objektif bagi sebuah organisasi perniagaan.

“Meningkatkan keuntungan sebanyak 15% daripada hasil jualan dalam jangka masa tiga bulan yang akan datang”.

Antara berikut, yang manakah terdapat dalam pernyataan objektif di atas?

- I Jangka masa
 - II Fleksibel
 - III Mudah difahami
 - IV Boleh diukur
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
15. Maklumat berikut berkaitan aktiviti yang dijalankan oleh satu fungsi bahagian dalam organisasi

- **Menentukan pilihan pembekal**
- **Menentukan kuantiti dan spesifikasi**

Aktiviti tersebut dikendalikan oleh fungsian bahagian

- A** Jualan
- B** Pemasaran
- C** Pembelian
- D** Kewangan

16. Maklumat berikut menerangkan tujuan satu bahagian fungsian

- Memastikan barang akhir diterima pengguna mengikut masa yang ditetapkan
- Memastikan pengangkutan bersesuaian dengan jenis barang

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A** Pembelian
- B** Pemasaran
- C** Pengagihan
- D** Pengeluaran

17. Pilih pasangan yang betul?

	Bahagian Fungsian Organisasi	Pernyataan
A	Jualan	Transaksi yang memberi nilai tambah kepada penjual dan pembeli
B	Pembelian	Memindahkan data dengan mudah dan cepat
C	Teknologi maklumat	Menghasilkan barang melalui proses penukar input
D	Pengeluaran	Menukar barang dengan menggunakan alat transaksi

18. Penghasilan produk yang unggul dan berdaya saing boleh dilakukan melalui

- A** Penyelidikan dan pembangunan
- B** Aktiviti pemasaran yang mantap
- C** Pengembangan sumber yang berkesan
- D** Pengeluaran yang teliti dan mengikut jadual

- 19.** Pernyataan berikut berkaitan dengan bahagian fungsian pengagihan.

Encik Abu mendapatkan stok baju daripada A & Z Enterprise dan menjualnya di pasar malam.

Apakah saluran agihan yang digunakan?

- A** Pengeluar → Pengguna
 - B** Pengeluar → Peruncit → Pengguna
 - C** Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
 - D** Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
- 20.** Antara yang berikut, kepentingan manakah yang diperoleh peniaga apabila berinteraksi dengan organisasi luar?
- I** Sumber perniagaan bertambah
 - II** Jaringan perniagaan meningkat
 - III** Jadual pelaksanaan pengeluaran dipatuhi
 - IV** Dokumen perniagaan digunakan dengan cekap
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

21. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

Syarikat Maju mengamalkan konsep 5S berikut:

- **Sisih**
- **Susun**
- **Sapu**
- **Seragam**
- **Sentiasa Amal**

Amalan tersebut berkaitan dengan peranan

- A** Menggalakkan kreativiti
- B** Latihan peningkatan kemahiran
- C** Pemantapan budaya professional
- D** Prestasi pasukan

22. Antara berikut, manakah merupakan aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan?

- A** Persekutaran kondusif
- B** Kreativiti dan inovasi
- C** Budaya professional
- D** Struktur organisasi

23. Pernyataan yang manakah betul menerangkan struktur organisasi berdasarkan matriks?

- A** Gabungan mengikut fungsi dan produk
- B** Mengikut fungsi utama dan kemahiran
- C** Berdasarkan keperluan dan kehendak
- D** Kawasan pasaran dan fokus syarikat

- 24.** Gambar di bawah merupakan contoh faedah yang ditawarkan oleh majikan kepada pekerja.



Gambar 2

Apakah manfaat yang diperoleh daripada penawaran faedah tersebut?

- A** Menjimatkan perbelanjaan majikan
 - B** Meningkatkan kemahiran pekerja
 - C** Membina keyakinan pelanggan
 - D** Menjamin kesetiaan pekerja
- 25.** Pernyataan manakah yang menunjukkan contoh pengiraan komisen yang betul?
- A** 20 peratus wang pendahuluan diri kepada pekerja
 - B** 5 peratus insentif daripada jumlah hasil jualan bulanan
 - C** 10 peratus bayaran tambahan daripada gaji asas bagi kehadiran penuh
 - D** 50 peratus tambahan daripada gaji asas bagi setiap jam kerja lebih masa
- 26.** Bagaimanakah syarikat dapat mengurangkan kerugian akibat pekerja yang melakukan pecah amanah?
- A** Menjaga kebijakan pekerja
 - B** Melaporkan kepada pihak polis
 - C** Mengambil polisi insurans jaminan setia
 - D** Mengemaskini profil pekerja secara berkala

27. Pernyataan berikut merupakan prosedur pengurusan sumber perniagaan.

- Perlindungan insurans dan keselamatan.
- Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang.

Prosedur pengurusan tersebut melibatkan sumber

- A** Fizikal
- B** Manusia
- C** Teknologi
- D** Pembiayaan

28. Mengapakah kemahiran dan pengalaman dikategorikan sebagai sumber teknologi?

- A** Memerlukan kos yang tinggi
- B** Aset ketara yang melicinkan operasi perniagaan
- C** Aset tidak ketara yang boleh meningkatkan produktiviti
- D** Mengambil masa yang lama untuk mendapatkan Kemahiran dan pengalaman

29. Apakah kesan pengurusan sumber fizikal dan teknologi kepada Perusahaan Kerepek Suzi?

	Sumber fizikal	Sumber teknologi
A	Resipi tidak boleh ditiru	Perlindungan premis daripada kebakaran
B	Penyelenggaraan mesin sebulan sekali	Pengeluaran berjalan lancar
C	Perlindungan premis daripada kebakaran	Penyelenggaraan mesin sebulan sekali
D	Pengeluaran berjalan lancar	Resipi tidak boleh ditiru

30. Situasi berikut berkaitan sebuah syarikat yang memerlukan sumber pembiayaan luaran.

Kedai Dobi Cantik memiliki akaun semasa dan memerlukan pembiayaan segera untuk membayar pembekal bahan pencuci.

Apakah sumber pembiayaan yang sesuai?

- A** Overdraf bank
- B** Sewa beli
- C** Pajakan
- D** Rizab

31. Pilih sumber pembiayaan dalaman yang betul

- I Rizab
 - II Pajakan
 - III Overdraf
 - IV Simpanan sendiri
-
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

32. Maklumat berikut berkaitan kemudahan yang disediakan oleh sebuah agensi kerajaan.

- **Dana Inno**
- **Dana Fasilitasi**

Apakah agensi terlibat?

- A** MARA
- B** TEKUN
- C** MOSTI
- D** CGC

33. Penyataan yang manakah merupakan kelebihan pembiayaan pajakan kepada usahawan?

- A** Jentera yang berkos tinggi mampu digunakan
- B** Kadar faedah dicas ke atas ansuran
- C** Wang pendahuluan tidak diperlukan semasa membeli
- D** Hak milik jentera diperoleh sebaik sahaja deposit dibayar

34.

Syarikat Usahawan Muda terlibat dalam pengeluaran cenderahati untuk dijual kepada para pelancong. Untuk memastikan produk mereka selari dengan perkembangan zaman, mereka telah membuat keputusan untuk membuat penyelidikan dan pembangunan produk mereka bagi menghasilkan produk yang berciri saintifik, berteknologi dan menarik.

Apakah agensi kerajaan yang dapat membimbing Syarikat Usahawan Muda ini?

- I Agrobank
 - II Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC)
 - III Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)
 - IV Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

35. Maklumat berikut berkaitan dengan butiran penyata kewangan Syarikat Pandu Jaya Berhad.

	RM	RM
ASET		
Aset Bukan Semasa		
Kenderaan	30 000	
Perabot	20 000	
		50 000
Aset Semasa		
Stok akhir	34 000	
Penghutang	4 000	
		38 000
		88 000

Apakah jenis penyata kewangan tersebut?

- A** Kunci Kira-Kira
B Penyata Aliran Tunai
C Penyata Kos Pengeluaran
D Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
36. Antara berikut, pihak manakah yang berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan?
- A** Penghutang
B Pelabur
C Pekerja
D Pelanggan

37. Maklumat berikut menunjukkan jenis kos pengeluaran perniagaan Mantop Enterprise.

Premium Insurans	Upah Pekerja
S	T

Pernyataan manakah benar menerangkan S dan T?

	S	T
A	Kos yang dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran	Kos yang tidak dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran
B	Jumlah kos yang berubah mengikut tingkat pengeluaran	Jumlah kos yang sentiasa sama walaupun pengeluaran bertambah
C	Jumlah kos operasi yang tidak berubah berdasarkan jumlah jualan	Jumlah kos operasi yang sama berdasarkan jumlah jualan
D	Kos yang tidak dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran	Kos yang dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran

38. Jadual di bawah menunjukkan maklumat kewangan perniagaan Mona Catering Enterprise.

Perkara	Jumlah (RM)
Jualan bersih	456 500
Untung bersih	290 700
Jumlah aset	630 000

Jadual 1

Kira pusing ganti aset bagi perniagaan tersebut.

- A 0.71
- B 0.72
- C 1.38
- D 2.16

- 39.** Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian usahawan.

Cik Dayana Mahirah mengusahakan perniagaan menjual pelbagai jenis burger. Beliau berjaya menghasilkan pelbagai jenis burger baharu yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan.

Apakah ciri-ciri keperibadian Cik Dayana Mahirah?

- A** Kreatif dan inovatif
 - B** Berani mengambil risiko
 - C** Yakin diri dan optimistik
 - D** Bijak mengambil peluang
- 40.** Maklumat berikut merupakan salah satu elemen dalam rancangan perniagaan.

- **Spesifikasi tugas pekerja**
- **Jadual imbuhan gaji dan insentif pekerja**

Elemen tersebut terdapat dalam rancangan...

- A** Operasi
- B** Kewangan
- C** Pemasaran
- D** Pentadbiran